

Bowling Piala Dekan SST 2012

Artikel oleh: Saturi Baco



Juara: Angkol



Naib Juara: KB's Group



Tempat ke-3: Pian's Group

Biro Sukan & Rekreasi Kelab Kebajikan SST sekali lagi telah berjaya menganjurkan Pertandingan Bowling Piala Dekan SST pada 15 Jun 2012 buat kali kedua bertempat di U-Bowl, One Borneo. Pertandingan ini telah dijadikan sebagai aktiviti tahunan Biro Sukan Kelab Kebajikan yang bertujuan untuk merapatkan lagi hubungan silaturahim di antara kakitangan akademik dan kakitangan pelaksana, SST. Sebanyak 12 kumpulan telah menyertai pertandingan ini dan ia telah dirasmikan oleh Dekan SST iaitu Prof. Madya Dr Baba Musta.

Kumpulan Angkol telah berjaya mengekalkan kejuaraan dua kali berturut-turut dengan 1569 jatuhan pin. Naib Juara dimenangi oleh kumpulan KB's Group (1208 pin) dan tempat ketiga disandang oleh kumpulan Pian's Group (1051 pin). Pemain terbaik individu lelaki dimiliki oleh Alim Shah Ajahar (510 pin) dan pemain wanita terbaik adalah Saturi Baco (331 pin).

